

19 FEBRUARI 2018



Persembahan demonstrasi K9 antara yang mendapat perhatian sepanjang program Minggu Anti Dadah SMK Seksyen 19.

SMK Seksyen 19 angkat tema Colourful Life Without Drugs

Dedah kelebihan gaya hidup tanpa dadah

MUHAMMAD FAIZ SULONG

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seksyen 19 memilih tema *Colourful Life Without Drugs* sempena program Minggu Anti Dadah bagi memberi pendedahan mengenai bahaya penyalahgunaan dadah kepada murid-murid, baru-baru ini.

Setiasaha Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) SMK Seksyen 19, Nur Azani Ahmad berkata, program anjuran Unit PPDa SMK Seksyen 19 dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (Pemadam) itu turut mendapat kerjasama daripada pelbagai agensi kerajaan sebagai satu usaha bersepadu untuk mengelakkan murid-murid terjebak dengan gejala dadah.

"Program ini bagi menyokong hasrat kerajaan dalam mencegah penyalahgunaan dadah khususnya di kalangan murid sekolah demi mencapai matlamat persekitaran sekolah yang bebas dadah.

"Melalui program ini, bukan sahaja kita dedahkan dengan bahaya



Antara murid yang menunjukkan bakat mereka ketika membuat persembahan ketika program berkenaan.

penyalahgunaan najis dadah tetapi juga memberi gambaran kelebihan hidup tanpa dadah.

"Alhamdulillah, sepanjang program berlangsung berjalan dengan lancar, penuh meriah dan dapat sambutan dengan penyertaan kira-kira 1,300 murid serta komuniti termasuk ibu bapa," katanya.

Turut hadir, Timbalan YDP Pemadam Malaysia, Senator Datuk Mohd Suhaimi Abdullah yang melakukan perasmian penutupan program Minggu PPDa SMK Seksyen 19 sempena Minggu Anti Dadah Daerah Petaling.

Hadir sama, Pengetua SMK Seksyen 19, Putri Roslawati Hashim dan YDP PIBG SMK Seksyen 19, Jamaluddin Awang Lah.

Sepanjang program berlangsung, beberapa aktiviti turut dirangka seperti ceramah anti dadah, pameran PPDa, persembahan daripada murid serta persembahan demonstrasi K9.



Murid diharap mendapat gambaran tentang kelebihan mengamalkan gaya hidup tanpa dadah.



Antara sukarelawan di kalangan ibu bapa dan PPDa yang membantu menjayakan program berkenaan.